



**SOALAN LAZIM MENGENAI STATUS TIDAK LULUS BAGI
PERMOHONAN BAHARU DAN RAYUAN BANTUAN PRIHATIN NASIONAL (BPN)**

Semakan mendapati permohonan baharu atau rayuan BPN saya tidak lulus. Apakah keterangan alasan berkenaan status tidak lulus tersebut?

Semakan kelulusan dikategorikan sebagai Tidak Lulus berdasarkan beberapa keterangan alasan berikut:

Bil	Alasan tidak lulus	Keterangan Alasan
1	Pasangan telah memohon sebagai IBT/ Bujang (AB VS B)	Semakan mendapati pasangan yang dikemukakan semasa permohonan baharu atau rayuan BPN telah memohon sebagai Ibu Bapa tunggal / bujang dan telah diluluskan.
2	Kahwin Dengan Maklumat Yang Sama (AB) vs (BA)	Semakan mendapati pasangan yang dikemukakan semasa permohonan baharu atau rayuan BPN telah memohon BPN sebagai status kahwin dan meletakkan pemohon sebagai pasangan.
3	Kahwin Dengan Maklumat Yang Berbeza (AB) vs (BC)	Semakan mendapati pasangan yang dikemukakan semasa permohonan baharu atau rayuan BPN telah memohon BPN sebagai status kahwin dengan mengemukakan maklumat pasangan yang lain.
4	Kahwin Dengan Maklumat Pasangan Yang Sama (AB) vs (CB)	Semakan mendapati pasangan yang dikemukakan semasa permohonan baharu atau rayuan BPN wujud sebagai pasangan di permohonan lain.
5	Pemohon berstatus kahwin tetapi maklumat pasangan tidak lengkap	Status yang dikemukakan semasa mengisi permohonan BPN adalah status kahwin tetapi tiada maklumat pasangan.
6	Pasangan meninggal dunia	Maklumat pasangan yang dikemukakan telah meninggal dunia berdasarkan semakan semula dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

7	Pemohon tidak melepasi syarat kelayakan had umur memohon	Semakan mendapati pemohon tidak melepasi syarat kelayakan umur untuk memohon BPN. Syarat kelayakan memohon BPN adalah berumur 21 tahun dan ke atas bagi bujang, manakala bagi Ibu atau Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda adalah berumur 18 tahun dan ke atas.
8	Semakan rekod agensi mendapati pendapatan Pemohon / Pasangan melebihi RM8,000	Semakan mendapati pemohon / pasangan mempunyai pendapatan melebihi syarat kelayakan yang telah ditetapkan iaitu pendapatan melebihi RM8,000 dan ke atas berdasarkan data daripada: <ul style="list-style-type: none"> i. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), ii. Jabatan Akauntan Negara (termasuk Polis Diraja Malaysia), iii. Bendahari Negeri Seluruh Malaysia, iv. Angkatan Tentera Malaysia (ATM), v. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), vi. Kumpulan Wang Persaraan (Kwap), dan vii. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
9	Semakan rekod agensi mendapati pendapatan Pemohon melebihi RM4,000	Semakan mendapati pemohon / pasangan mempunyai pendapatan melebihi syarat kelayakan yang telah ditetapkan iaitu pendapatan melebihi RM4000 dan ke atas berdasarkan data daripada: <ul style="list-style-type: none"> i. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), ii. Jabatan Akauntan Negara (termasuk Polis Diraja Malaysia), iii. Bendahari Negeri Seluruh Malaysia, iv. Angkatan Tentera Malaysia (ATM), v. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), vi. Kumpulan Wang Persaraan (Kwap), dan vii. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
10	Semakan mendapati pemohon merupakan pelajar	Semakan dengan data daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) mendapati pemohon merupakan pelajar dan tidak

		menepati syarat kelayakan memohon.
11	Maklumat Pengenalan Pemohon Berbeza Dengan Semakan Data Agensi	Semakan dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mendapati pemohon telah memohon dengan menggunakan maklumat pengenalan yang tidak tepat.
12	Tidak layak kerana pemohon / pasangan mempunyai syarikat berdasarkan data agensi	Semakan dengan data Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), mendapati pemohon / pasangan mempunyai syarikat. Semakan dibuat berdasarkan data terkini yang dikemukakan oleh agensi iaitu aktif sehingga 31 Disember 2019. Pemohon boleh memohon Geran Khas Prihatin (GKP) melalui https://gkp.hasil.gov.my berdasarkan kelayakan yang ditetapkan.

Namun demikian, pemohon boleh mengemukakan rayuan berdasarkan penerangan di soalan 6 Soalan Lazim Mengenai Permohonan Baharu Dan Rayuan Bantuan Prihatin Nasional (BPN).

Disediakan pada **10 Mei 2020 jam 6.00 petang**.